

29 MAY 2002

NUTP-Inggeris/I

NUTP ADAKAN KELAS Hujung Minggu B.INGGERIS BAGI GURU-GURU

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) akan mengadakan kelas-kelas hujung minggu bagi guru-guru sekolah rendah mengenai bagaimana mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, bermula Julai ini.

Kelas hujung minggu itu akan diadakan di seluruh negara dan semua guru yang berminat boleh menyertai kelas itu, kata Setiausaha Agung NUTP Datuk N. Siva Subramaniam di sini, hari ini.

"Ia satu perkhidmatan sukarela yang kami tawarkan sebagai pelengkap kepada usaha kerajaan untuk melatih semula guru-guru mengajar dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris," kata beliau apabila dihubungi Bernama.

Pada 10 Mei, Majlis Tertinggi Umno mencadangkan matapelajaran sastera Inggeris diperkenalkan untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Bumiputera dan rakyat Malaysia amnya.

MT juga mencadangkan matapelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris bermula dari sekolah rendah lagi bermula seawal tahun depan.

Bagaimanapun, MT berpendapat yang pengenalan semula sekolah-sekolah aliran bahasa Inggeris tidak perlu dalam usaha mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula berkata pengajaran bahasa Inggeris dengan berkesan dan juga pengajaran matapelajaran matematik dan sains dalam bahasa itu akan membolehkan para pelajar menguasai bahasa itu dengan lebih baik.

Siva berkata NUTP menyokong idea itu dan menyifatkannya sebagai langkah baik bagi negara dan generasi masa depan untuk menguasai pengetahuan penting.

"Semua pihak harus menyokong dan menyumbangkan kepada idea mengajar dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Inggeris akan mendorong negara mencapai kemajuan lebih tinggi," katanya.

Siva, yang juga presiden Cuepacs berkata NUTP akan menghantar para pegawainya ke Brunei Darussalam dan Singapura untuk mengkaji konsep pengajaran dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris.

Beliau berkata Brunei Darussalam dan Singapura menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran pelbagai matapelajaran termasuk matematik dan sains.

Selepas lawatan sambil belajar itu, beliau berkata para pegawai NUTP akan menyelaraskan kelas-kelas hujung minggu itu di semua negeri.

"Kami akan menyediakan satu panduan asas kepada guru-guru termasuk kaedah-kaedah mengajar matapelajaran itu dalam bahasa Inggeris dan bagaimana untuk menguasai bahasa itu," kata beliau.

Siva berkata NUTP juga mengadakan kursus-kursus lebih kurang sama semasa tempoh peralihan apabila sekolah-sekolah aliran bahasa Inggeris bertukar kepada sekolah-sekolah aliran Melayu pada pertengahan 70-an.

-- BERNAMA

DC MFJ PR